

**UCAPAN**

**YBHG. DATUK WAN SELAMAH  
BINTI WAN SULAIMAN  
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**SEMPENA PERHIMPUNAN BULAN JANUARI 2013  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
PADA 09 JANUARI 2013**

Bismillahirrahmanirrahim.

Terima kasih pengacara majlis dan saudara pembaca doa. Semoga doa kita pada pagi ini dimakbulkan oleh Allah s.w.t. Terima kasih juga kepada kumpulan koir di atas dendangan lagu sebentar tadi.

YBhg. Dato' Rosini binti Abd Samad, TAN (K), YBr. Puan Hawazain binti Shaari, TAN (O), Pengarah-Pengarah Bahagian, Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan, dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan seluruh warga Jabatan Akauntan Negara yang saya hormati dan kasihi sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan selamat pagi.

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan rahmat dan izinNya, maka kita dapat berkumpul pada pagi ini dalam perhimpunan bulanan pertama bagi tahun 2013. Dengan labuhnya tirai tahun 2012, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2013 kepada semua warga Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Marilah kita bersama-sama berdoa kepada Allah SWT semoga usaha dan komitmen kita selama ini dalam menjalankan tugas yang diamanahkan, mendapat keredhaan dariNya. Aamiin....

Sempena dengan kedatangan tahun baharu ini, marilah kita bersama-sama mengatur gerak langkah yang lebih cemerlang bagi merealisasikan misi dan visi Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan membawa Jabatan ke tahap yang lebih tinggi.

## **HARAPAN UNTUK TAHUN 2013 DAN TAHUN-TAHUN AKAN DATANG**

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua anggota yang telah menggembeleng tenaga dalam melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi di Jabatan Akauntan Negara Malaysia di sepanjang tahun 2012. Saya merasa bangga mempunyai warga kerja yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan jabatan dan perkhidmatan pada keseluruhannya. Sesungguhnya anda semua adalah aset yang tidak ternilai pentingnya dalam menentukan halatuju jabatan ini. Saya berdoa agar semua warga Jabatan Akauntan Negara Malaysia terus diberi petunjuk, taufik dan hidayah serta kesihatan tubuh badan dan keselamatan agar dapat menunaikan kewajipan masing-masing dengan penuh komitmen dan berintegriti.

Dengan bermulanya tahun 2013, bermakna kita hanya ada dua (2) tahun sebelum kita melaksanakan perakaunan akruan sepenuhnya pada tahun 2015. Dua tahun yang akan mencabar seluruh warga Jabatan Akauntan Negara. Dua tahun yang akan mengubah haluan dan dimensi perakaunan Kerajaan Persekutuan. Sehubungan dengan itu, lagi sekali saya mengajak seluruh warga Jabatan Akauntan

Negara Malaysia untuk bersama-sama memikul cabaran transformasi ini kerana anda semua adalah barisan pelapis dan pewaris yang akan melaksanakan transformasi ini.

Sesungguhnya dalam menjalankan kerja secara berpasukan kita memerlukan iltizam dan azam yang kuat menerusi kepimpinan yang dinamik dan semangat kerja yang kental. Dalam menangani cabaran kerja, jangan sekali-kali kita berputus asa. Marilah kita sama-sama berazam dan memberi komitmen untuk menjadikan Tahun Baharu 2013 lebih cemerlang daripada tahun-tahun sebelumnya, dengan menambahbaik kualiti kerja serta taraf kehidupan kita secara amnya.

Pendek kata, tentu ada sesuatu yang boleh kita pertingkatkan, samada di dalam urusan kerja atau amalan kita seharian. Bermulalah dari sekarang, kerana sesungguhnya perbuatan menanggung-nanggung itu hanyalah merugikan.

## **PENUTUP**

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya suka untuk menyampaikan tujuh (7) halatuju yang perlu menjadi keutamaan penjawat awam pada tahun 2013, seperti yang digariskan oleh YAB Dato' Sri Najib bin Tun Abd Razak, Perdana Menteri Malaysia, sejajar dengan hasrat meneruskan kejayaan dan kecemerlangan negara.

- i) Memastikan perpaduan nasional dan jatidiri nasional terus diperkukuhkan berpaksikan Gagasan 1Malaysia
- ii) Menguruskan ekonomi dengan baik untuk memastikan pertumbuhannya terus berkembang dan pengagihan kekayaan kepada rakyat berdasarkan prinsip keadilan sosial
- iii) Segala ketetapan dalam Bajet 2013 dilaksanakan dengan licin, lancar dan berkesan mengikut jadual yang telah ditetapkan
- iv) Pelaksanaan program transformasi negara seperti GTP, ETP serta Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) diteruskan
- v) Pelaksanaan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), Pelan Tindakan Pendidikan, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Pusat Transformasi Bandar (UTC), Pusat Panggilan 1 Malaysia(1MMC) serta program baru yang akan dilancarkan pada tahun ini terkandung sebagai halatuju ke lima
- vi) KPI para Menteri dan Kementerian dapat dicapai sepenuhnya. *(Untuk itu, kita perlu pastikan KPI Bahagian dan Jabatan dicapai sepenuhnya)*
- vii) Halatuju ketujuh adalah meneruskan penambahbaikan sistem penyampaian Kerajaan berdasarkan tiga aspek iaitu cepat, tepat dan berintegriti (C.T.I)

Sebagai penutup, saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat beristirahat pada hari cuti sempena Maulidurrasul dan Thaipusam pada 24 dan 27 Januari, serta sambutan hari Wilayah pada 1 Februari nanti. Luangkanlah masa berkualiti dengan keluarga tersayang kerana mereka adalah pendorong dan

pemberi semangat untuk kita terus berkhidmat dengan penuh berdedikasi dan membudayakan nilai bersama Jabatan, ringkasannya **SPECIAL**.

- S** - Satisfaction for Customers
- P** - Profesionalisme
- EC** - Esprit de Corp
- IA** - Integrity and Accountability
- L** - Loyalty

Sekian, wabillahitaufik, walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.